

23 JUL 2002

Mahathir-BN

BN JAYA URUSKAN PERBEZAAN KAUM, RAKYAT TAK PERLU ALTERNATIF

JOHOR BAHRU, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keupayaan Barisan Nasional (BN) menguruskan perbezaan antara kaum di negara ini dengan jayanya, merupakan satu keunikan yang membuatkan rakyat tidak memerlukan alternatif lain sebagai pelindung mereka.

Perdana Menteri berkata gabungan parti komponen dalam BN sentiasa bergerak secara bersama-sama untuk membangunkan negara menjadikan BN semakin berwibawa.

"Sesungguhnya ia amat membanggakan sepanjang tempoh yang kita lalui sejak Perikatan dibentuk hinggalah ke hari ini, gabungan ini sentiasa bergerak secara bersama-sama membangunkan negara," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata Konvensyen BN Johor yang akan berlangsung di sini esok.

Konvensyen BN itu, yang julung kali diadakan di peringkat negeri, disertai 400 anggota perwakilan termasuk 130 dari Umno, 90 (MCA), 70 (MIC), 60 (Gerakan) dan 50 (PPP) selain sebilangan pemerhati dari parti komponen lain.

Dr Mahathir dijadual menutup konvensyen selama dua hari itu pada pagi Khamis di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu di sini. Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dijadual menyampaikan ucapan dasar pada konvensyen itu di Hotel Eden Garden pukul 4 petang esok.

Dr Mahathir berkata hasil kerjasama erat dan padu dalam BN itu, perbezaan antara kaum daripada segi agama dan kepercayaan, adat dan budaya, bahasa dan pertuturan telah dapat diuruskan dengan jayanya.

"Konflik yang sesekali berlaku adalah kerenah yang akhirnya dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

"Kejayaan menguruskan perbezaan ini telah membolehkan kita daripada pelbagai kaum duduk semeja, berkongsi kejayaan dan kemakmuran, sekali gus membuatkan rakyat tidak perlukan alternatif lain sebagai pelindung mereka," kata Perdana Menteri.

Sambil mengajak rakyat bersama-sama menyuburkan lagi perpaduan erat untuk masa depan negara, beliau yakin kerjasama erat itu dapat meningkatkan lagi perpaduan dan kekuatan BN keseluruhannya.

"Saya percaya dalam hal ini, Johor akan dapat terus memainkan peranannya sebagai benteng kekuatan BN dalam tempoh terdekat ini dan pada masa depan," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada BN Johor kerana menganjurkan konvensyen itu yang bertepatan dengan usaha BN mempererat lagi muafakat antara parti komponen.

Sementara itu, Abdul Ghani yang juga Pengerusi BN Johor, dalam kata-kata aluannya pula berkata konvensyen bertemakan "Barisan Nasional Ke Arah Kecemerlangan Bangsa Malaysia" itu diharap dapat menterjemahkan betapa eratnyanya kerjasama dan perpaduan antara parti komponen mendukung perjuangan BN.

"Ia tentunya menjadi aspirasi kepada kita untuk bersatu tenaga dan bekerja lebih kuat bagi menghadapi cabaran masa depan termasuk pilihan raya umum dalam tempoh terdekat ini," katanya.

Beliau berkata begitupun pilihan raya bukanlah satu-satunya matlamat BN kerana yang lebih terserlah ialah kemampuan parti komponen yang mewakili pelbagai kaum dapat duduk semeja merancang pentadbiran dan pembangunan negeri dan negara.

Menurutnya, perpaduan yang terus terpelihara melalui BN dan kejayaan

demi kejayaan yang dikongsi bersama sejak merdeka, menghapuskan telahan negara luar kononnya Malaysia akan bermasalah menguruskan sebuah negara majmuk.

Menteri Besar mengucapkan terima kasih kepada pemimpin BN terdahulu dan yang ada sekarang kerana telah menyediakan landasan kukuh perpaduan itu, juga kepada rakyat jelata terutama di Johor yang sejak dahulu memberi kepercayaan berterusan kepada BN.

BN Johor mengekalkan keupayaan menyapu bersih semua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum lepas.

-- BERNAMA

MNY NMO